

## **Jangan Biar Keganasan Rumah Tangga Terus Berleluasa**



Oleh: Muhammad Faiz Mohd Basri

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 23 Julai 2021*

Keganasan rumah tangga merangkumi tingkah laku atau ancaman yang bertujuan mengawal pasangan dengan menimbulkan rasa takut atau mengancam keselamatan mereka.

Ia boleh meliputi keganasan yang dilakukan terhadap pasangan, kanak-kanak, orang tua, orang dewasa yang tidak berkeupayaan atau ahli keluarga yang lain.

Kebiasaannya, ia lebih tertumpu kepada golongan wanita yang menjadi mangsa. Hal ini kerana golongan lelaki lazimnya merasakan mereka berhak memonopoli kehidupan kaum wanita.

Terdapat pelbagai bentuk keganasan yang terjadi dalam sesebuah keluarga sama ada secara fizikal, gangguan seksual dan penderaan emosi melalui percakapan atau psikologi.



### *Gambar hiasan*

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan sejak Mac lalu dan masih berlarutan sehingga kini. Sepanjang tempoh tersebut, kejadian keganasan rumah tangga didapati meningkat di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

Sebuah pertubuhan amal terbesar berkaitan keganasan rumah tangga di Eropah melaporkan peningkatan sehingga 700 peratus jumlah panggilan yang diterima setiap hari sejak sekatan pergerakan dilaksanakan.

Manakala di Malaysia, sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga dilaporkan sepanjang Januari hingga April tahun ini. Ia didorong pelbagai faktor, termasuk implikasi pelaksanaan PKP.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun menyatakan, panggilan ke Talian Kasih bertambah sebanyak 57 peratus sejak PKP dikuatkuasakan.

Kebanyakan kes berpunca daripada desakan ekonomi dan tekanan hidup sehingga ada yang bertindak mencederakan pasangan atau ahli keluarga.

Beberapa perkara mungkin menyumbang pada berlakunya keganasan rumah tangga semasa PKP. Ia merangkumi faktor dalam diri individu itu sendiri, orang sekeliling, persekitaran, serta faktor luaran yang lebih besar.

Kesemua faktor ini saling mempengaruhi antara satu sama lain. Antaranya adalah tekanan. Ini terjadi ekoran tidak dapat keluar dari rumah seperti biasa.

Selain itu, mereka tidak dapat melakukan pekerjaan atau aktiviti rutin, risau tentang ketidakpastian masa depan terutamanya berkaitan ekonomi keluarga, serta takut dijangkiti penyakit.

Tekanan menyebabkan seseorang hilang pertimbangan dan melakukan keganasan. Selain itu, pendera sentiasa berada bersama mangsa serta menghabiskan masa yang banyak bersama menyebabkan peluang untuk konflik berlaku adalah lebih tinggi.

Perkara ini boleh terjadi terutamanya pada mereka yang memang pernah terlibat dengan keganasan rumah tangga sebelum ini. Apabila sentiasa berada di depan mata, setiap perbuatan akan mudah mencetuskan konflik dan keganasan.

Hal ini tidak sewajarnya sekadar menjadi bahan pemerhatian dan ia memerlukan tindakan konkrit untuk menanganinya. Sekiranya berlaku kes keganasan rumah tangga, mangsa tidak seharusnya berdiam diri.

Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Pindaan) 2017 merupakan undang-undang yang memberi perhatian khusus terhadap hal-hal keganasan rumahtangga dengan memperuntukkan beberapa jalan penyelesaian bagi kes-kes sedemikian.

Merujuk kepada akta ini, mangsa boleh membuat aduan jika berlaku keganasan rumahtangga kepada pegawai kebajikan masyarakat atau pegawai polis yang juga bertindak sebagai pegawai penguat kuasa.

Kejadian keganasan rumah tangga pernah dialami oleh seorang kenalan rapat saya. Dia mengalami tekanan, trauma dan takut untuk menceritakan kepada orang lain kerana telah diugut.

Sehinggalah pada satu hari, dia memberanikan diri untuk melaporkan kepada pihak polis kerana tidak tahan sering dipukul.

Segalanya berakhir selepas dia memfailkan tuntutan perceraian di mahkamah dan suaminya didakwa. Kini, dia telah memulakan kehidupan baharu selepas mendapat sokongan moral daripada ahli keluarganya.

Kisah benar ini sewajarnya membuka mata mangsa-mangsa keganasan rumah tangga supaya berani melaporkan kepada pihak berkuasa agar tindakan undang-undang diambil terhadap si pelaku.

Sama ada mangsa atau ahli keluarganya yang terkesan akibat keganasan rumah tangga, amat penting untuk mereka mendapatkan bantuan dan keluar dari situasi keganasan yang dialami.

Hal ini tidak mudah untuk dilakukan atas banyak sebab. Antaranya mungkin mangsa berasa takut keadaan akan menjadi bertambah teruk jika pelaku mengetahuinya atau mangsa terpaksa bergantung kepada pelaku untuk kelangsungan hidup.

Walau atas apa alasan sekali pun, tiada seorang pun yang berhak melakukan keganasan dan tiada sesiapa pun yang sepatutnya menjadi mangsa.